



Kurikulum Berkepelbagaian Budaya Untuk Pembelajaran Literasi Awal Kanak-Kanak Orang Asli

Aishah Binti Abdul Malek¹, Mohd Nazri Abdul Rahman¹ & Muhammad Asyraf Mansor³

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya¹

Pusat Kelestarian dan Komuniti Universiti Malaya (UMCares)²

Article Info

Received:
14 September 2019

Accepted:
25 September 2019

Publish
01 September 2020

e-ISSN 2682-759X

Abstrak

Kurikulum Berkepelbagaian Budaya merupakan salah satu bentuk kurikulum yang sesuai diaplikasikan oleh guru untuk melestarikan seni budaya tradisi bagi kelompok masyarakat tertentu. Malaysia mempunyai kepelbagaian bahasa dan budaya yang menjadikan cabaran besar kepada guru untuk menyampaikan maklumat serta fakta kepada kanak-kanak pelbagai etnik khususnya masyarakat Orang Asli yang memasuki alam persekolahan arus perdana serta tidak dapat menguasai bahasa pengantara dengan baik di dalam kelas. Kajian ini bertujuan untuk meneroka aspek pelaksanaan kurikulum berkepelbagaian budaya menerusi pendekatan cerita rakyat masyarakat Orang Asli dalam pengajaran dan pembelajaran awal literasi kanak-kanak. Kajian ini dilaksanakan ke atas sekumpulan kanak-kanak yang berumur 4 hingga 6 tahun di sebuah prasekolah yang terletak di Kuala Kubu Bharu, Selangor. Pengumpulan data menggunakan kaedah temubual, pemerhatian dan senarai semak sebelum dan selepas aktiviti dilaksanakan. Dapatan kajian menunjukkan kreativiti guru dalam pelaksanaan kurikulum berkepelbagaian budaya menerusi cerita rakyat Orang Asli merupakan faktor utama yang mempengaruhi kefahaman kanak-kanak Orang Asli dalam menerima pengajaran dan pembelajaran awal literasi. Kajian ini mencadangkan agar kurikulum berkepelbagaian budaya menerusi teknik bercerita perlu dilaksanakan secara kreatif oleh guru melalui kaedah penggunaan boneka dan bahan mautud dalam kalangan kanak-kanak Orang Asli. Pendekatan ini memberi impak dalam membentuk kefahaman secara menyeluruh nilai pembelajaran serta meningkatkan tahap penguasaan asal literasi kanak-kanak Orang Asli.

Kata Kunci: Teknik bercerita, kurikulum berkepelbagaian budaya, Pendidikan Orang Asli

Pendahuluan

Isu literasi dalam kalangan pendidikan kanak-kanak orang asli dilihat sebagai suatu agenda penting yang perlu dititikberatkan dalam memastikan setiap kanak-kanak yang berada di bumi Malaysia mendapat pendidikan yang sewajarnya selaras dengan objektif Kementerian

Pendidikan Malaysia menekankan pendidikan sebagai salah satu bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Menerusi NKRA yang telah digubal ini, setiap kanak-kanak tidak ketinggalan dalam mendapatkan pendidikan yang sewajarnya bagi meningkatkan kemahiran dan anjakan akademik untuk diri.

Namun begitu, kanak-kanak orang asli dilihat masih di tahap ketinggalan. Di Malaysia, Orang Asli merupakan penduduk minorti sebanyak 0.5% daripada keseluruhan populasi penduduk di Malaysia. Mengikut Nicholas (2007), menyatakan jika 100 orang murid yang memasuki Tahun 1, hanya 6 orang pelajar shaja yang berjaya menamatkan sesi persekolahan sehingga tingkatan 5. Selebihnya, sebanyak 94% tidak berjaya menamatkan sesi persekolahan di mana punca utama adalah adanya jurang pedagogi dan resam budaya.

Kaedah bercerita merupakan salah satu kaedah yang sering digunakan dalam setiap lapisan masyarakat untuk menerangkan atau menceritakan tentang sesuatu idea, konsep atau sejarah menggunakan teknik yang menarik dan mudah difahami oleh pendengar. Aktiviti bercerita yang menarik mampu menarik minat pendengar untuk mendengar dengan lebih lanjut tanpa meninggalkan setiap plot penceritaan sehingga tamat cerita tersebut. Kanak-kanak sangat gemar mendengar cerita, melalui bercerita, mereka cenderung untuk mendengar setiap perkataan yang diluahkan oleh pencerita. Kaedah bercerita bukan sahaja meluahkan perkataan, malah ianya memerlukan pencerita untuk menggunakan pelbagai teknik bercerita diantaranya ekspresi muka, ekspresi bahasa badan, intonasi suara, alat bercerita dan sebagainya bagi menarik minat kanak-kanak untuk mendengar cerita tersebut dan memastikan ianya mampu membentuk kegembiraan, suasana yang menyeronokkan, meningkatkan imaginasi kanak-kanak serta membentuk kefahaman dan kemahiran literasi awal untuk kanak-kanak. Kaedah bercerita diuji bagi membuat satu kesahan dimana kaedah ini merupakan satu kaedah yang efektif dan efisien yang membantu meningkatkan kefahaman kanak-kanak berkepelbagaian budaya untuk menerima sesuatu pembelajaran secara optimum.

Cerita dan bercerita telah digunakan sejak sekian lama dalam mengajar sama ada secara formal atau tidak formal. Dalam budaya Melayu sendiri khususnya, terdapat pelbagai cerita yang menyampaikan mesej nasihat dan budaya.

“Storytelling is an age-old and powerful means of communication that can be used as an effective teaching strategy in the science classroom. Listening to a story involves imagination, activation of prior experiences, knowledge, and imagery. A community of learners, characterized by inquiry and discovery, can be initiated through the process of storytelling.”

(A.D Isabelle, 2007)

Kenyataan daripada Isabelle di atas menunjukkan bahawa cerita adalah satu strategi yang berkesan untuk menyampaikan pelajaran atau ilmu sains dalam bilik darjah. Menurut Isabelle lagi, mendengar cerita melibatkan imaginasi, pengaktifan pengetahuan lepas, pengetahuan dan bayangan. Beliau percaya bahawa satu komuniti pelajar boleh dicipta melalui kaedah bercerita.

Menurut M.C. Green (2004), cerita mempunyai beberapa peranan di dalam bilik darjah, termasuk menaikkan minat murid, membantu perjalanan kuliah (pengajaran), menjadikan bahan bermakna, mengatasi halangan dan rasa cemas pelajar, dan juga membina hubungan yang baik antara guru dengan pelajar dan pelajar sesama pelajar.

Cerita Dalam Pendidikan

Pendekatan bercerita merupakan kaedah mengajar yang membolehkan guru menyampaikan isi pelajarannya melalui penggunaan teknik bercerita. Melalui pendekatan bercerita, guru dapat menjalankan sesuatu aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan. Penggunaan gambar bersiri merupakan salah satu teknik dalam pendekatan bercerita merupakan gambar bersiri dan berurutan. Kebiasaannya, gambar bersiri atau dikenali sebagai papan cerita mempunyai saiz yang agak besar dan mempunyai ilustrasi grafik yang menarik serta cerita yang berurutan. Setiap keping gambar menunjukkan situasi yang berbeza. Bilangan gambar yang sesuai juga terhad di antara tiga hingga enam keping dan perkataan tersebut ditulis di bahagian belakang papan cerita.

Bahan maujud dikenali sebagai bahan autentik merupakan bahan sebenar yang digunakan untuk tujuan pendidikan. Bahan maujud merupakan bahan yang terbaik khasnya untuk kanak-kanak kerana mereka mereka dapat melihat bahan sebenar. Bahan maujud dijadikan sebagai set induksi untuk merangsang minat kanak-kanak pada awal sesi bercerita. Kanak-kanak akan menunjukkan minat dan perhatian terhadap sesi bercerita apabila pencerita menunjukkan bahan maujud yang menarik. Pada peringkat awal kanak-kanak, bahan maujud yang bersaiz besar adalah yang terbaik untuk mereka.

Namun terdapat juga pendekatan bercerita yang tidak menggunakan sebarang peralatan untuk penceritaan. Pencerita tidak menggunakan sebarang peralatan untuk bercerita, dan kekuatan bercerita adalah melalui suara, mimik muka, ekspresi, gerak mata, dan pergerakan badan untuk menarik perhatian pendengar. Melalui penceritaan tanpa alat ini, ianya menyuntik semangat kanak-kanak untuk lebih memberi tumpuan kepada pencerita dan dapat memasuki dunia penceritaan dengan baik mengikut emosi yang ditunjukkan oleh pencerita.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah kualitatif merupakan kaedah pengumpulan data yang telah dipilih di dalam kajian ini bagi melihat kegunaan dan keberkesanan akan kemahiran guru dalam teknik penyampaian PdP dan penerimaan murid berkepelbagaian budaya melalui proses PdP di dalam kelas.

Menurut Hiatt (2011), menekankan bahawa kajian kualitatif menfokuskan untuk meneroka akan sudut perspektif guru, pendirian dan pengalaman guru. Selain itu, kajian kualitatif ini adalah mencari isu, memahami fenomena dan mencari jawapan berdasarkan persoalan yang dibangkitkan. Menurut Bogdan dan Biklen (2007) terdapat beberapa ciri-ciri kualitatif yang perlu dipertimbangkan semasa melaksanakan kajian antaranya adalah yang pertama, melalui kaedah pelaksanaan dalam penyelidikan kuantitatif, data perlu dikumpulkan dan diinterpretasikan oleh pengkaji. Umumnya, kajian kuantitatif melibatkan bacaan nombor, pengurusan dan pengumpulan data secara kolektif, manakala kaedah kualitatif dilaksanakan bagi melihat huraian kajian yang dilaksanakan secara ilmiah dan lebih efektif. Selain daripada itu, melalui kajian data kualitatif, proses kajian yang dilaksanakan merupakan elemen yang paling penting semasa melaksanakan kajian berbanding dengan hasil kajian yang telah dilaksanakan, dan pengkaji juga lebih menumpukan kepada gaya hidup sampel kajian dalam menjalani kehidupan mereka berdasarkan kajian yang dilaksanakan.

Terdapat beberapa kaedah penyelidikan yang terdapat dalam kaedah kualitatif ini antaranya adalah penyelidikan berasaskan etnografi, kajian kes, fenomenologi dan 'grounded theory'. Penyelidikan etnografi adalah mensasarkan kepada kajian yang mendalam terhadap kefahaman

hubungan dan kelangsungan adat resam, budaya dan masyarakat setempat terhadap sesuatu kajian yang ingin dilaksanakan. Pendekatan pemerhatian digunakan sebagai alat untuk pengumpulan data. Secara tidak langsung, kajian naratif juga terlibat bagi melihat bentuk literasi yang wujud, (Creswell, 2012). ‘*Grounded theory*’ pula merupakan kaedah di mana pengkaji boleh mengemukakan teori bagi menjelaskan kajian yang dilaksanakan bagi untuk membentuk kefahaman terhadap sesuatu fenomena yang berlaku. Menurut Creswell (2012), ‘*grounded theory*’ terbina apabila, teori yang sedia ada tidak memenuhi kehendak terhadap kajian yang sedang dilaksanakan. Manakala, fenomenologi pula adalah pengkaji akan membuat takrifan yang lebih spesifik terhadap kajian yang ingin dilaksanakan. Kaedah pengumpulan data pula dilaksanakan melalui temubual yang dilakukan secara terperinci terhadap sampel kajian yang telah dipilih.

Kajian kes yang ingin dilaksanakan juga boleh dikategorikan sebagai kajian etnografi dimana kajian yang ingin dilaksanakan mempunyai hubungan untuk mengkaji sosio budaya dan masyarakat setempat di dalam mengendalikan kanak-kanak berkepelbagaian budaya untuk memberikan pengalaman literasi awal terhadap kanak-kanak menerusi kaedah bercerita, dan objektif pembelajaran yang ingin disampaikan dapat dilaksanakan secara optimum. Menurut Yin (2003), kajian kes merupakan kajian eksperimental di mana penyelidikan dilaksanakan melalui jaringan di antara fenomena dan konteks kehidupan sebenar.

Dapatan Dan Perbincangan

Dapatan kajian dibincangkan berdasarkan soalan kajian: *Apakah bentuk pendekatan bercerita berasaskan Kurikulum Berkepelbagaian Budaya untuk pembelajaran literasi awal kanak-kanak yang dilaksanakan oleh guru dalam proses PdP? Dan Sejauh manakah pendekatan bercerita berasaskan Kurikulum Berkepelbagaian Budaya untuk pembelajaran literasi awal kanak-kanak semasa proses PdP?*

Dapatan kajian menunjukkan cerita dapat memberi sumbangan ke arah kejayaan akademik dan kesejahteraan emosi kanak-kanak. Hasil temubual menunjukkan terdapat beberapa *bentuk pendekatan bercerita berasaskan Kurikulum Berkepelbagaian Budaya sesuai untuk pembelajaran literasi awal kanak-kanak yang dilaksanakan oleh guru dalam proses PdP* antaranya bercerita menggunakan bahan mautud, bercerita menggunakan buku (buku besar atau buku kecil); *Grab Bag Story Telling*; *Round Robin Story Telling*; *Pictorial Story Telling* dan bercerita tanpa alat atau bahan. Responden dalam temubual menerangkan bahawa, pendekatan bercerita berasaskan kurikulum berkepelbagaian budaya yang digunakan sesuai oleh guru untuk pembelajaran literasi awal kanak-kanak oleh guru khususnya cerita yang berunsurkan cerita rakyat Malaysia.

“Saya biasanya menggunakan cerita rakyat untuk mengajar awal literasi kanak-kanak. Pendekatan bercerita ini bukan saja dapat memperkenalkan cerita-cerita rakyat tetapi juga memperkenalkan kepelbagaian budaya kepada kanak-kanak.”
(Responden 5: TI 16-19)

Cerita-cerita rakyat sesuai dijadikan bahan bercerita oleh guru dalam mengaplikasikan kurikulum berkepelbagaian budaya kepada kanak-kanak. Sebagai alat untuk pembelajaran, kaedah bercerita dapat dijadikan alat untuk menggalakkan pelajar meneroka keunikan diri mereka. Selain itu ia juga dapat meningkatkan tahap kebolehan mereka berkomunikasi melalui pemikiran dan perasaan serta meluahkannya dalam bentuk oral yang teratur. Dalam dunia sekarang yang serba maju dan canggih, aktiviti bercerita dapat dijadikan alat untuk memupuk

dan menyuburkan sifat-sifat peka pelajar terhadap kelebihan menguasai bahasa dengan baik. Penggunaan teknik bercerita juga membantu guru untuk mengesan kemahiran dan kelebihan kanak-kanak, khususnya dalam meneliti faktor kecerdasan pelbagai oleh Howard Gardner (1983).

Manakala persoalan kedua kajian: *Sejauh manakah pendekatan bercerita berasaskan Kurikulum Berkepelbagaian Budaya sesuai untuk pembelajaran literasi awal kanak-kanak orang asli semasa proses PdP?* Dapatan kajian temubual mendapati bahawa pendekatan bercerita dapat meningkatkan kemahiran awal literasi khususnya kemahiran membaca, menulis dan mendengar bagi kanak-kanak. Dapatan temubual menunjukkan pendekatan bercerita berasaskan kurikulum berkepelbagaian budaya dapat meningkatkan kemahiran mendengar kanak-kanak dan seterusnya berjaya melatih kanak-kanak berkomunikasi dengan berkesan. Dalam sesi temubual, responden menjelaskan bahawa, pendekatan bercerita berasaskan kurikulum berkepelbagaian budaya sesuai dalam meningkatkan kemahiran mendengar dan kemahiran komunikasi kanak-kanak.

“Bercerita dapat meningkatkan kemahiran mendengar kanak-kanak, kemahiran berkomunikasi dan keyakinan diri kanak-kanak untuk menyampaikan semula cerita yang didengari. Pendekatan bercerita ini juga meningkatkan pengetahuan kanak-kanak kepelbagaian budaya yang terdapat di Malaysia” (Responden 2:T2 1-3)

Dapatan pemerhatian juga mendapati pendekatan bercerita berasaskan kurikulum berkepelbagaian budaya dapat memperkenalkan kosa kata baru kepada kanak-kanak. Menerusi pendekatan bercerita guru dapat memperkenalkan perkataan baru setiap kali sesi bercerita dijalankan kepada kanak-kanak. Dapatan pemerhatian juga mendapati kanak-kanak lebih mudah belajar makna perkataan baru menerusi pendekatan bercerita berasaskan kurikulum berkepelbagaian budaya. Dengan menggunakan pendekatan bercerita, kanak-kanak dapat menyesuaikan kegunaan kosa kata dengan konteks yang sesuai. Walau bagaimanapun, guru perlu mengelakkan untuk memperkenalkan terlalu banyak perkataan dalam satu-satu cerita yang disampaikan. Ini kerana ianya mungkin akan mengelirukan kanak-kanak. Hasil pemerhatian juga mendapati, setiap perkataan baru yang diperkenalkan, guru membuat menuliskannya pada kertas imbasan dan dilekatkan di papan ‘flannel’ atau dinding kelas supaya mudah diingat oleh kanak-kanak. Impaknya, daya imaginasi sewaktu bercerita dapat merangsang penggunaan bahasa yang baik dalam kalangan kanak-kanak. Ini kerana bercerita dapat menjadi cara yang sesuai untuk mengenali keunikan individu, masyarakat dan seterusnya memperkenalkan kepelbagaian budaya kepada kanak-kanak. Walau bagaimanapun, hasil dapatan pemerhatian, mendapati pelaksanaan pendekatan bercerita berasaskan kurikulum berkepelbagaian budaya memerlukan kecekapan guru menguruskan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah untuk mencapai hasil pembelajaran yang optimum. Dapatan ini bertepatan dengan dapatan Stapa et.al. (2012) yang menyatakan bahawa guru yang cekap menguruskan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat melahirkan murid yang berketerampilan, berilmu, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan setiap perlakuan guru memberi kesan kepada pencapaian pelajar.

Dapatan kajian melalui temubual turut mendapati responden menyatakan bahawa pendekatan bercerita berasaskan kurikulum berkepelbagaian budaya dapat memperkenalkan perwatakan dan budaya kepada kanak-kanak.

“Cerita rakyat yang digunakan dalam kurikulum kepelbagaian budaya dapat dijadikan sebagai contoh teladan kepada anak-anak. Cerita yang disampaikan juga dapat mendedahkan kepada kanak-kanak tentang adat, sopan santun dan nilai kepada kanak-kanak.” (Responden 1:T2 6-7)

Dapatan pemerhatian menunjukkan, semasa aktiviti bercerita, guru mengenal pasti ciri-ciri tertentu dalam setiap pelajarnya. Ada kanak-kanak yang dapat duduk dan mendengar dengan baik, ada kanak-kanak yang hanya boleh duduk diam selama beberapa minit sahaja, ada kanak-kanak yang suka mengganggu rakan sewaktu sesi berlangsung, ada kanak-kanak yang sukamengambil bahagian dalam bercerita, dan sebagainya. Secara tidak langsung, guru dapat mengenali sikap dan tingkah laku setiap pelajar di bawah penyeliaannya. Perkara ini penting bagi mereka untuk mengawal kelas sewaktu pengajaran berlangsung. Jantan (2016) menyatakan bahawa pengurusan pengajaran dalam pembelajaran yang dinamik serta sistematik mampu mengembangkan pembudayaan saintifik, pengetahuan baru, pencetusan idea kreatif dan inovatif, pembangunan potensi manusia yang lebih mampan serta penyebaran matlamat dengan baik. Bercerita juga membolehkan kanak-kanak menyuarakan pendapat dan perasaan secara lisan. Mallan (1992) menyatakan kanak-kanak yang berpengalaman di dalam menyertai aktiviti bercerita mempengaruhi perkembangan mereka dalam nilai emosi, intelektual, dan sosial. Ini demikian kerana, melalui aktiviti bercerita secara tidak langsung dapat meningkatkan tumpuan dalam mendengar cerita, memberi tindak balas terhadap soalan yang diajukan, lebih kreatif di dalam berbahasa, penulisan dan aktiviti membaca dalam kehidupan seharian. Secara tidak langsung, dapat memupuk kemahiran literasi awal terhadap kanak-kanak berkepelbagaian budaya. Miller dan Mehker (1990), menyatakan aktiviti bercerita merupakan kaedah yang berkesan terhadap perkembangan literasi awal kanak-kanak. Peranan guru sebagai medium di dalam menyuntik kemahiran literasi awal kanak-kanak perlu mengetengahkan aktiviti yang berunsurkan kreativiti dan seni yang mampu menarik minat kanak-kanak untuk mempelajari kemahiran yang ingin di sampaikan melalui aktiviti yang menarik dan bersesuaian mengikut tahap perkembangan mereka.

Penutup

Pendekatan bercerita ini memberikan kebaikan terhadap proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan oleh guru. Pendekatan bercerita digunakan untuk menyampaikan pelajaran. Salah satu adalah guru dapat menyampaikan cerita dan menarik minat murid-murid terhadap pelajaran yang disampaikan. Hal ini kerana guru menceritakan kepada murid-murid berkenaan dengan sesuatu situasi sebelum menyampaikan isi pelajaran dalam kelas. Teknik bercerita ini dapat menarik minat murid-murid kerana cerita yang diketengahkan adalah berkait rapat dengan konteks kehidupan seharian mereka. Mereka akan lebih mudah untuk memahami sesuatu situasi atau cerita yang berkait rapat dengan kehidupan seharian mereka. Seterusnya, teknik bercerita pula, guru perlu memastikan keadaan kanak-kanak selesa, dapat memberi tumpuan sepenuhnya terhadap cerita, tidak ada gangguan yang boleh mengalihkan perhatian mereka dan melibatkan kanak-kanak dengan memberi peluang menjawab soalan atau melakonkan semula. Suara guru perlu jelas, bahasa yang digunakan sesuai dengan tahap kanak-kanak dan istilah yang diperkenalkan daripada yang konkrit kepada abstrak. Gerak badan dan mimik muka yang sesuai boleh digunakan untuk menarik perhatian kanak-kanak. Bahan-bahan yang sesuai perlu digunakan bagi membantu penyampaian guru dan membantu kefahaman kanak-kanak terhadap jalan cerita. Guru perlu peka terhadap reaksi yang ditunjukkan oleh kanak-kanak. Sekiranya sesuai, guru bolehlah memakai pakaian yang khas untuk menambahkan keseronokan kepada kanak-kanak. Secara keseluruhannya, peranan guru mendasari setiap teknik yang ingin disampaikan kepada kanak-kanak. Kreativiti guru perlu dilihat secara menyeluruh agar dapat memberikan kesan aktiviti pembelajaran yang terbaik dalam kalangan kanak-kanak.

Acknowledgements

Funding of this research work is generously supported by the RU Grant – UMCares: RU013-2017X, Ministry of Education, Malaysia

Rujukan

Allison Skerrett (2010). “*There’s going to be community. There’s going to be knowledge*”: Designs for learning in a standardised age. *Teaching and Teacher Education* 26 (2010) 648–655.

Asli, O. (2014). *Sikap kanak-kanak orang asli di bandar raya Kuala Lumpur terhadap penguasaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua*. 4, 57–66.

Edward M. Anthony. *Approach, Method and Technique*. *ELT Journal*, Volume XVII, Issue 2, 1 January 1963, Muka Surat 63–67.

Fatimah Baharin (2014). *Kajian Tindakan Bahasa Melayu Teknik Bercerita*. Diambil daripada <https://www.slideshare.net/mummytim/kajian-tindakan-bahasa-melayu-teknik-bercerita-pada-03hb-Mei-2018>.

Hanzalah Tajudin (2014). *Teknik Bercerita*. Diambil daripada <https://www.slideshare.net/HanzalahTajudin/topik-8-teknik-bercerita-pada-03hb-April-2018>.

Hye Suk Haa et.al (2014). *Teachers’ Efforts to Facilitate the Social Development of Multicultural Children*. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 159 (2014) 110 – 114.

Katherine Massa (2018). *Storytelling as A Strategy to Increase Oral Language Proficiency of Second Language Learners*. Diambil daripada <http://teachersinstitute.yale.edu/curriculum/units/2008/2/08.02.01.x.html> pada 04hb Mei 2018.

Zulhairi Osman (2011). *Kaedah Bercerita*. Diambil daripada <https://www.scribd.com/doc/61097579/Kaedah-Bercerita-pada-03hb-April-2018>.

Huanshu Yuan (2018). *Preparing Teachers for Diversity: A Literature Review and Implications from Community-Based TAsli, O. (2014). Sikap kanak-kanak orang asli di bandar raya kuala lumpur terhadap penguasaan bahasa melayu sebagai bahasa kedua*. 4, 57–66.

Melayu, L. B. (n.d.). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu 59 Malay Language Journal Education (MyLEJ)*. 59–70.

Melayu, L. B., Orang, T., & Minority, A. (n.d.). *Kanak-kanak minoriti orang asli di Malaysia: Menggapai literasi Bahasa Melayu*. 59–70.

Nor, S., Harun, K., Nazri, M., & Rahman, A. (2017). *Kreativiti Menerusi Lagu Rakyat Masyarakat Orang Asli Sebagai Bahan Pembelajaran Asas Literasi: Tinjauan Awal*. (October), 47–51.

Satu, M., Awal, K., Pos, D. I., & Lipis, K. (2017). *Perubahan Amalan-amalan Budaya Masyarakat Orang Asli*. 32–41.

Robert D. Friedberg (1994). *Storytelling and Cognitive Therapy with Children*. *Journal of Cognitive Psychotherapy: An International Quarterly*, Volume 8, Number 3, 1994.

Wan Muna Ruzana & Vijayaletchumy Subramaniam (2014). *Daya kreativiti kanak-kanak: Satu kajian kes*. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 134 (2014) 436 – 445.

NurFarhana Shahira Rosly et.al (2016). *Interaksi Ujaran Kanak-kanak Menerusi Elemen Pendigitalan dalam Penceritaan*. *GEMA Online® Journal of Language Studies* 89 Volume 16(1), February 2016.

Wan Anita & Azizah Hamzah (2013). *Media Dalam Kehidupan Dan Perkembangan Kanak-Kanak*. Jld. 15, Bil. 2, 2013: 27–39 Vol. 15, No. 2, 2013: 27